



FAQ Pakej 5G RAHMAH

1) Apa itu Pakej 5G RAHMAH?

Pakej 5G RAHMAH ialah pakej telefon pintar 5G bersama-sama pelan data (*device bundle*) dengan pilihan telefon pintar samada jenama Samsung A14 5G atau Honor 90 Lite 5G yang berharga tidak melebihi RM240 berserta pelan pascabayar serendah RM60 sebulan bagi minimum 60GB data. Walau bagaimanapun, penyedia perkhidmatan telekomunikasi (telco) boleh menyediakan harga telefon pintar yang lebih rendah atau pelan pascabayar yang lebih baik berdasarkan promosi jualan masing-masing.

Pakej ini tertakluk kepada Terma dan Syarat oleh setiap telco yang mengambil bahagian dalam tawaran ini iaitu TM (Unifi Mobile), CelcomDigi, Maxis, U Mobile dan YTL Communications (Yes).

Harga yang dinyatakan adalah tidak termasuk cukai perkhidmatan.

2) Apakah tawaran bagi Pakej 5G RAHMAH?

Pakej ini menawarkan telefon pintar dan pelan data seperti berikut;

- i. Telefon pintar samada jenama Samsung A14 5G atau Honor 90 Lite 5G dengan harga tidak melebihi RM240; dan
- ii. Pelan pascabayar serendah RM60 sebulan dengan minimum 60GB data

3) Siapakah yang layak untuk melanggan Pakej 5G RAHMAH?

Pakej 5G RAHMAH ini terbuka kepada semua Warganegara Malaysia.

4) Apakah tawaran istimewa untuk golongan B40 bagi Pakej 5G RAHMAH ini?

100,000 orang pelanggan terawal daripada golongan B40 layak mendapat subsidi sebanyak RM120 ke atas harga telefon pintar. Sebagai contoh, bagi telefon pintar

berharga RM240, pelanggan yang layak hanya perlu membayar RM120 bagi telefon pintar tersebut

Sekiranya telco menyediakan telefon pintar pada harga yang lebih rendah daripada harga RM240, misalnya RM200, harga yang perlu dibayar oleh pelanggan setelah ditolak subsidi adalah sebanyak RM80 sahaja

5) Apakah jenama dan spesifikasi telefon pintar yang ditawarkan di bawah Pakej 5G RAHMAH?

| Model Peranti | Samsung A14 5G | Honor X90 Lite 5G |
|---------------------------|-----------------------|--------------------------|
| Harga Pasaran | RM949.00 | RM1,099.00 |
| Harga Pakej 5G RAHMAH | RM240.00 | |
| Storan (<i>Storage</i>) | 128GB | 256GB |
| Memori (RAM) | 6GB | 6GB |

6) Adakah pendaftaran Pakej 5G RAHMAH tertakluk kepada kontrak?

Ya, Pakej 5G RAHMAH ini merupakan pakej pascabayar dan tertakluk kepada kontrak langganan selama 24 bulan

7) Berapakah tempoh waranti peranti Pakej 5G RAHMAH?

Tempoh waranti bagi peranti adalah selama 24 bulan (2 tahun).

8) Di manakah pengguna boleh mendaftar Pakej 5G RAHMAH?

Pendaftaran boleh dibuat secara bersemuka di pusat jualan telco ataupun secara dalam talian melalui laman sesawang telco yang terlibat. Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan melayari laman web telco yang mengambil bahagian iaitu CelcomDigi, Maxis, U Mobile, TM (Unifi Mobile) dan YTL Communications (Yes).

9) Berapakah had langganan Pakej 5G RAHMAH?

Pakej 5G RAHMAH adalah terbuka kepada semua rakyat Malaysia tanpa had pembelian. Walau bagaimanapun, bagi 100,000 orang pelanggan terawal

daripada golongan B40 yang mendapat subsidi sebanyak RM120 ke atas harga telefon pintar, hanya 1 Pakej 5G RAHMAH sahaja yang layak dibeli menggunakan subsidi ini iaitu RM120. Harga telefon pintar bagi pembelian kedua dan seterusnya di bawah Pakej 5G RAHMAH adalah RM240.

10) Bilakah Pakej 5G RAHMAH akan mula ditawarkan?

Pakej ini mula ditawarkan bermula pada 31 Ogos sehingga 31 Disember 2023.

11) Bagaimanakah saya boleh mengetahui maklumat lanjut mengenai Pakej 5G RAHMAH ini?

Anda boleh melayari laman web telco yang terlibat iaitu TM (Unifi Mobile), CelcomDigi, Maxis, U Mobile dan YTL Communications (Yes) atau hadir ke mana-mana cawangan pusat jualan telco yang berdekatan.

Nota:

FAQ ini merupakan FAQ asas bagi penawaran Pakej 5G RAHMAH. Setiap telco akan mengeluarkan FAQ terperinci bagi penawaran Pakej 5G RAHMAH berdasarkan tawaran dan strategi jualan masing-masing.